

Persiapan awal hadapi air pasang

Kerajaan negeri, JPS percepat proses aliran air, jumlah mangsa banjir turut dilaporkan menyusut

KUALA SELANGOR - Kerajaan negeri bersama agensi terlibat siap siaga berdepan musibah banjir di daerah ini apabila dilaporkan kemungkinan berlakunya fenomena air pasang dalam tempoh 24 jam lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib berkata, cuaca tidak menentu ketika ini tak mustahil akan hujan lagi.

Katanya, kerajaan negeri bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berusaha mempercepatkan proses aliran air ke muara selain kerja mengepam air dengan sebakul mungkin.

"Kerja pembersihan parit termasuk cucian rumpai akan dibuat supaya aliran air

ke laut lancar dan berharap tidak berlaku pertembungan air pasang dan kapasiti hujan yang banyak.

"Hasil tinjauan di pusat pemindahan mendapati semuanya dalam keadaan siap siaga dan cukup menggembirakan bagi saya apabila ada penyusutan mangsa banjir," katanya dalam sidang media semalam.

Adun Taman Templer itu menegaskan, mungkin ketidakpatuhan garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) pembangunan memainkan peranan berlakunya musibah banjir.

"Jadi, kerajaan negeri akan menggiatkan kerja pemantauan pembangunan manakala JPS diminta mengenal pasti punca banjir supaya dapat pertimbangkan sumber kewangan khas untuk membendung musibah dari berulang.



Sebahagian mangsa banjir diberi taklimat khas di pusat penempatan banjir di SK Parit Mahang.

"Kerajaan negeri juga akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pemaju yang didapati gagal mematuhi kerja pembangunan di negeri ini.

"Surat amaran akan dikeluarkan dan mengarahkan

kerja dihentikan serta-merta sebelum tindakan undang-undang malah orang awam dinasihatkan supaya menjaga kebersihan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Bencana Daerah Kuala

Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor berkata, jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Mahang mulai menyusut.

Katanya, hanya tinggal 794

orang melibatkan 169 keluarga sahaja di SK Parit Mahang manakala 11 keluarga melibatkan 40 mangsa banjir masih ditempatkan di Masjid Simpang Tiga Jeram.

"Pusat penempatan banjir di Kampung Bukit Cheraka hanya sembilan keluarga dengan 26 mangsa banjir selain 19 keluarga dengan 79 mangsa di Kampung Bukit Kuching.

"Dewan JKKK Bukit Hijau menempatkan tiga keluarga mangsa banjir sehingga jam 3 petang tadi menjadikan jumlah keseluruhan 951 mangsa banjir melibatkan 211 keluarga.

"Seramai 85 keluarga melibatkan 163 orang dilaporkan sudah pulang ke rumah masing-masing," katanya yang turut memaklumkan paras air Sungai Buloh menurun dari 3.78 meter kepada 3.58 meter.